

July 2016



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

72nd
ISSUE

info kampus



**SOARING
UPWARDS**
MALAYSIAN HIGHER EDUCATION

ISSN 2232-1578



9 772232 157005

KOLOKSIUM JABATAN SAINS MATEMATIK (JSM) 1/2016

Oleh: Juliza Salleh

Jabatan Sains Matematik sekali lagi telah mengadakan kolokium yang pertama pada 2016 yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Pembangunan Staf, JSM. Kolokium kali ini telah diadakan pada hari Jumaat, 1 April 2016 bertempat di bilik mesyuarat Fakulti Kejuruteraan Awam, Kampus Samarahan 2. Pembentangan pada kolokium kali ini adalah perkongsian daripada hasil projek inovasi JSM yang telah dianjurkan oleh Jawatankuasa Inovasi dan Pengajaran JSM pada Mac sehingga Disember 2015 yang bertemakan 'Visualizing the Invisible'.

Tempat Pertama (Puan Lau Ung Hua) – *Visualizing Adjustment for Continuity Correction*

Tempat Kedua (Dr. Leong Siow Hoo) – *ScaleVar-Disc*

Tempat Ketiga (Cik Juliza Salleh) – *The Curve*

Melalui kolokium ini, para pensyarah dapat berkongsi teknik-teknik pengajaran yang lebih mudah untuk topik yang telah dipilih oleh para pembentang. Melalui sesi ini juga, ahli jabatan dapat bertukar pendapat serta dapat memperkembangkan ilmu dan seterusnya dapat diaplikasikan di dalam kelas bagi membantu para pelajar memahami sesuatu topik itu dengan teknik yang lebih mudah, jelas dan dapat difahami.

Sebelum tamat, sesi kolokium ini diselangi dengan sesi soal-jawab di antara ahli jabatan dan juga perbincangan untuk projek inovasi yang kedua yang bertemakan 'Gamification'. Ini adalah bertujuan untuk menggalakkan inovasi pengajaran di antara para pensyarah supaya dapat membantu para pelajar belajar dengan lebih menarik dan seronok melalui unsur permainan di dalam pendidikan. Diharapkan sesi kolokium ini akan terus diadakan yang pastinya dengan tajuk pembentangan yang lebih menarik. Di akhir sesi, Cik Adeline Engkamat selaku Ketua Pusat Pengajian telah menyampaikan trofi kepada para pemenang projek inovasi. Beliau juga turut berharap agar projek seperti ini dapat diteruskan untuk kecemerlangan dan perkembangan kerjaya para pensyarah.



HARI SUKAN OSYS

Oleh: Leviana Andrew dan Nur Baizilah Baharuddin



BREKMOK FC menentang KGV FC



Penalti futsal wanita bagi menentukan JOHAN dan NAIB JOHAN

Pada 30 April 2016 (Sabtu) yang lepas, Persatuan Office Systems Society (OSYS) dari Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Sistem Pejabat (BM232) telah mengadakan Hari Sukan OSYS yang disertai 146 orang pelajar dari Semester 1 hingga Semester 6. Acara tersebut diadakan di gelanggang futsal dan gelanggang bola jaring di Kampus Samarahan 1. Acara-acara yang dipertandingkan adalah futsal lelaki dan wanita serta bola jaring wanita. Sukan OSYS ini selain bertujuan merapatkan hubungan sesama pelajar ianya juga bertujuan melahirkan para pelajar cemerlang dalam akademik dan sukan.

Secara keseluruhannya, sukan OSYS ini berakhir dengan jayanya dengan penyampaian hadiah serta ucapan penutupan oleh Ketua Pusat Pengajian Pengurusan Sistem dan Teknologi Pejabat, Puan Noor Shima Binti Anthony. Pihak OSYS juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada Profesor Madya Pauline Achan, di atas sumbangan air minuman botol sepanjang program berlangsung. Berikut adalah senarai pemenang bagi setiap kategori:

Futsal (L)

1. BREKMOK FC (Semester 6)
2. MRFT (Semester 2)
3. KGV FC (Semester 3)

Futsal (W)

1. OHANA S³ (Semester 3)
2. GLABA FC (Semester 2)
3. THE MUSH (Semester 1)

Bola Jaring

1. Pink Panther (Semester 4)
2. FYS (Semester 6)
3. Remix (Semester 2)



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

Corporate Communications & International Relations

Universiti Teknologi MARA Sarawak
Jalan Meranek, 94300 Kota Samarahan,
Peti Surat 1258, 93312 Kuching,
Sarawak, Malaysia

Tel: 082 - 677 200 | Fax: 082 - 677 300

E-mail: corporate@sarawak.uitm.edu.my

www.sarawak.uitm.edu.my